

## Skop Kerja Pembersihan Tandas Awam

Prosedur pembersihan merangkumi semua peralatan dan kemudahan di sesebuah tandas seperti berikut:

Bil	Perkara	Kualiti Kerja	Frekuensi cucian
1	<b>Basin cucian tangan</b> termasuk kepala paip, saluran paip dan water trap	<p>Bebas dari sisa minyak, kotoran/bendasing, bau, alga dan sistem saliran bersih, lancar, berkilat serta selamat untuk digunakan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- mencuci keseluruhan basin menggunakan bahan pencuci yang sesuai menggunakan pad lembut</li> <li>- membilas dan mengelap kering keseluruhan basin termasuk kepala paip</li> <li>- menggantikan paip yang rosak</li> </ul>	<p>i) Minimum 3 kali bagi tandas 24 jam</p> <p>ii) Minimum 2 kali bagi tandas lain</p> <p>iii) Pembersihan serta merta jika ada kekotoran</p>
2	<b>Cermin</b> merangkumi permukaan cermin dan bingkai.	<p>Bebas dari habuk, kesan tompokan air (<i>watermark</i>), kesan kotoran jari dan lain-lain kotoran serta selamat untuk digunakan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- mengelap cermin menggunakan bahan pencuci yang sesuai untuk menanggalkan kotoran</li> <li>- membilas dan mengelap kering cermin menggunakan kain lembut</li> <li>- menggantikan segera cermin yang rosak dan membahayakan orang awam.</li> </ul>	<p>i) Minimum 3 kali bagi tandas 24 jam</p> <p>ii) Minimum 2 kali bagi tandas lain</p> <p>Pembersihan serta merta jika ada kekotoran</p>
3	<b>Dinding</b> merangkumi keseluruhan ruang di dalam dan permukaan	<p>Permukaan dinding termasuk alatan yang dipasang terus kepadanya hendaklah sentiasa bersih, kering dan bebas dari kotoran dan habuk.</p>	Setiap hari

Bil	Perkara	Kualiti Kerja	Frekuensi cucian
	luar tandas sehingga ke permukaan siling	<ul style="list-style-type: none"> <li>- menanggalkan bendasing/ kotoran yang melekat pada dinding</li> <li>- menggosok permukaan dinding dari kotoran dan mencuci dinding</li> <li>- membilas dan mengelap dinding sehingga kering</li> </ul>	
4	<b>Lantai</b> merangkumi keseluruhan ruang di dalam tandas dari permukaan luar dan dalam sehingga ke ruang dalam kubikel tandas.	<p>Permukaan lantai hendaklah sentiasa bersih, kering dan bebas dari kotoran dan habuk.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- menyapu lantai dari kotoran kering</li> <li>- membersihkan lantai dari kotoran/tumpahan</li> <li>- mencuci lantai dengan bahan pencuci yang sesuai dan membilas kembali</li> <li>- mengemop kering lantai</li> <li>- menghilangkan kesan daki kotoran / kehitaman pada lantai menggunakan peralatan yang sesuai( scrubber) secara berjadual</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Minimum 3 kali sehari bagi tandas yang mempunyai bilik mandi</li> <li>ii. Minimum dua kali bagi tandas awam sahaja</li> <li>iii. Secara bulanan menggunakan scrubber - jika perlu</li> </ul>
5	<b>Siling</b> merangkumi keseluruhan ruang bahagian atas (bumbung) dalam tandas.	<p>Permukaan siling hendaklah sentiasa bersih, kering, bebas dari sesawang, kotoran, habuk dan selamat untuk digunakan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- membuang sawang</li> <li>-menanggalkan bendasing yang melekat pada siling</li> </ul>	- Harian
6	<b>Pintu</b> merangkumi pintu masuk utama, pintu kubikel dan pintu ruang utiliti/ stor. Pintu boleh terdiri dari bahan plastik, kayu, kaca, komposit	<p>Permukaan pintu, pemegang pintu dan penyangkut barang hendaklah bebas dari kotoran dan habuk, kesan cap jari atau sebarang tanda yang kelihatan serta selamat untuk digunakan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- mengelap pintu menggunakan bahan pencuci yang sesuai untuk menanggalkan kotoran</li> </ul>	- Harian

Bil	Perkara	Kualiti Kerja	Frekuensi cucian
	atau logam.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- membilas dan mengelap kering pintu</li> <li>- menggantikan selak/ penyangkut baju yang rosak</li> <li>- membaik atau menggantikani pintu yang rosak</li> </ul>	
7	<p><b>Mangkuk tandas/ urinal</b> adalah terdiri daripada:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Mangkuk tandas/ urinal</li> <li>2) Pelapik mangkuk tandas</li> <li>3) Alat simbah</li> <li>4) Segala aksesori mangkuk tandas yang berkaitan</li> </ol>	<p>Mangkuk tandas, pelapik mangkuk tandas dan alat simbah hendaklah bebas dari kotoran, najis, habuk, kesan cap jari atau sebarang tanda yang kelihatan dan bau serta selamat untuk digunakan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- menggosok mangkuk tandas menggunakan bahan pencuci yang sesuai dan berus lembut.</li> <li>- mengelap pelapik mangkuk tandas, alat simbah, bekas pam tandas menggunakan kain lembut dan bahan pencuci sesuai</li> <li>- membilas cucian dan mengelap kembali pelapik dan penutup tandas</li> <li>- menggantikan pelapik yang rosak dan pam/flush yang tertanggal</li> </ul>	<p>i) Minimum 3 kali bagi tandas 24 jam</p> <p>ii) Minimum 2 kali bagi tandas lain</p> <p>Pembersihan serta merta jika ada kekotoran</p>
8	<p><b>Longkang / Saliran Permukaan</b> termasuk di dalam dan luar tandas</p>	<p>Longkang/saliran hendaklah bebas dari kotoran, bau, sampah, pasir lumpur, lumut serta batu, selamat dan pengalirannya adalah lancar.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- mengutip sisa kotoran dan melupuskan di dalam plastik sampah</li> <li>- mencuci dan menyental saliran menggunakan pencuci dan berus yang sesuai</li> <li>- membilas cucian menggunakan getah pancuran atau waterjet untuk mengalirkan kotoran keluar.</li> <li>- membersihkan perangkap sampah</li> <li>-</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- harian bagi saliran di dalam bangunan</li> <li>- mingguan bagi saliran luar bangunan</li> </ul>
9	<p><b>Pili Bidet dan</b></p>	<p>Pili, bidet dan sambungan hendaklah bebas dari tompok kotoran,</p>	<p>- harian</p>

Bil	Perkara	Kualiti Kerja	Frekuensi cucian
	<b>Sambungan</b>	kesan kotoran jari, sisa sabun dan kesan tompokan air ( <i>watermark</i> ) serta berkilat. - mencuci menggunakan kain lembut dan bahan pencuci sesuai - membilas dan mengelap kering - menggantikan mana-mana bidet dan pili yang rosak	
10	<b>Tong Sampah / Tong Sanitari</b>	Mestilah berplastik dan mencukupi kapasitinya - tong sampah dicuci setiap hari dalam dan luar - dilap kering sebelum meletakkan plastik baru - sisa dalam tong mesti dikosongkan jika telah mencapai 3/4 kapasiti tong	- Setiap hari bagi kutipan sisa dan gantian plastik - Mingguan bagi cucian tong
11	<b>Kelengkapan elektrik (lampu / kipas / exhaust fan)</b>	Kelengkapan elektrik hendaklah sentiasa bersih, kering, berfungsi serta dalam keadaan selamat untuk digunakan. - mengelap habuk yang melekat di permukaan - membuat penggantian bagi perkakasan yang rosak	- Dua bulan sekali mengikut keperluan - Pembersihan serta merta jika ada kekotoran